

POLISI ADUAN INTEGRITI

1. Definisi

- 1.1 Aduan Integriti: Sebarang aduan oleh anggota PKNS, pihak luar yang berurusan dengan PKNS atau orang awam bagi melaporkan sebarang salah laku anggota PKNS, kelemahan sistem dan tatacara kerja, perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa atau tindakan yang menyalahi undang-undang.

2. Tujuan Polisi Aduan Integriti

- 2.1 Selaras dengan amalan tadbir urus korporat terbaik yang diamalkan, PKNS menggalakkan semua pihak sama ada anggota PKNS, pihak luar yang berurusan dengan PKNS atau orang awam melaporkan sebarang aduan mengenai kemungkinan berlakunya sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran tata tertib yang dilakukan oleh anggota PKNS semasa menjalankan tugas rasminya di PKNS.
- 2.2 Polisi ini bermatlamat:
 - 2.2.1 Memastikan pengadu dapat mengemukakan aduan tanpa rasa takut atau bimbang melalui saluran yang lebih mesra pelanggan;
 - 2.2.2 Menyediakan suatu proses yang telus dan sesuai yang mana segala butiran aduan atau maklumat yang dilaporkan oleh pengadu adalah sulit; dan
 - 2.2.3 Membantu dalam meningkatkan profesionalisme, kecekapan dan tadbir urus di PKNS.

3. Skop

- 3.1 Polisi ini terpakai kepada:
 - 3.1.1 Semua anggota PKNS, termasuklah Ahli-ahli Pengurusan dan Ahli-ahli Perbadanan PKNS;
 - 3.1.2 Semua pembekal, vendor dan kontraktor PKNS, termasuklah pembekal, vendor dan kontraktor yang terlibat di dalam pembidaan projek;
 - 3.1.3 Perunding PKNS;
 - 3.1.4 Pelanggan PKNS; dan
 - 3.1.5 Orang awam;
- 3.2 Polisi ini merangkumi kemungkinan berlakunya kelakuan tidak wajar seperti berikut:
 - 3.2.1 Fraud/penipuan;
 - 3.2.2 Rasuah, sogokan dan peras ugut;
 - 3.2.3 Kesalahan jenayah;
 - 3.2.4 Gagal mematuhi kewajipan undang-undang atau peraturan;
 - 3.2.5 Perkara yang membahayakan kesihatan dan keselamatan individu;
 - 3.2.6 Perkara yang membahayakan persekitaran/alam sekitar; dan
 - 3.2.7 Ketidakpuasan hati terhadap urusan PKNS.

4.0 Polisi

4.1 Siasatan

- 4.1.1 Segala aduan yang dilaporkan oleh pengadu melalui saluran yang disediakan akan disiasat dengan telus dan adil sebagaimana prosedur yang ditetapkan di bawah bahagian 5 di bawah.

4.2 Jaminan kerahsiaan

- 4.2.1 Hanya Pengerusi Jawatankuasa Whistle-blowing atau Ketua Pegawai Integriti dan pegawai yang menjalankan siasatan (Pegawai Penyiasat) sahaja akan dibenarkan untuk mempunyai akses kepada segala maklumat peribadi dan butiran aduan yang dikemukakan.
- 4.2.2 Walau bagaimanapun, sekiranya pengadu bersetuju untuk mendedahkan butiran maklumat atau aduan yang dikemukakan kepada orang lain, hanya butiran umum aduan sahaja akan didedahkan, manakala maklumat peribadi pengadu akan dirahsiakan.
- 4.2.3 Anggota yang didapati mendedahkan identiti pengadu tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan, akan dikenakan tindakan tatatertib termasuk penamatan kontrak atau penurunan daripada jawatan yang disandang olehnya.

4.3 Jaminan dan perlindungan terhadap tindakan balas atau hukuman

- 4.3.1 Definisi tindakan balas:
 - 4.3.1.1 Menahan bayaran yang telah sampai tempoh masa untuk pembayaran di bawah sesuatu kontrak;
 - 4.3.1.2 Keengganan untuk memasuki kontrak yang seterusnya;
 - 4.3.1.3 Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
 - 4.3.1.4 Ugutan atau gangguan;
 - 4.3.1.5 Gangguan terhadap pekerjaan dan kehidupan pengadu termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, penamatan atau layanan buruk berhubung dengan pekerjaan, kerjaya, profession, atau perniagaan pengadu.
 - 4.3.1.6 Ancaman bagi mengambil mana-mana tindakan yang disebut di atas.
- 4.3.2 Pengadu tidak boleh dikenakan tindakan balas atau hukuman, selagi mana sesuatu aduan atau laporan yang dikemukakan adalah sahih dan benar tanpa niat untuk menjatuhkan atau merosakkan nama baik individu atau organisasi.
- 4.3.3 Walau bagaimanapun, sekiranya anggota PKNS mengambil tindakan balas atau hukuman terhadap pengadu, PKNS mempunyai hak untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap anggota berkenaan termasuk penamatan pekerjaan atau tindakan undang-undang yang lain.
- 4.3.4 Sekiranya pengadu atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan rapat dengan pengadu telah dikenakan tindakan atau hukuman, mereka boleh:

- 4.3.4.1 Melaporkan perkara berkenaan kepada Pengerusi Jawatankuasa Whistle-blowing atau Ketua Pegawai Integriti;

Memohon secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Whistle-blowing atau Ketua Pegawai Integriti untuk dipindahkan ke cawangan atau bahagian lain di dalam PKNS. Permohonan tersebut akan disiasat bagi memastikan kesahihan tindakan atau hukuman yang dikenakan kepada pengadu.

4.4 Laporan Dalaman dan Luaran

- 4.4.1 Sekiranya aduan yang diterima oleh PKNS merupakan Aduan Whistle-blowing, butiran peribadi pengadu dilarang didedahkan di dalam mana-mana laporan kecuali dengan kebenaran bertulis pengadu. Walau bagaimanapun, nama samaran yang tidak mempunyai kaitan dengan nama pengadu akan digunakan (sekiranya perlu).
- 4.4.2 Namun begitu, sekiranya aduan tersebut dikategorikan sebagai Aduan Terbuka, kebenaran pengadu tidak diperlukan di dalam mana-mana laporan.
- 4.4.3 Sesuatu laporan itu hendaklah mengandungi butiran terperinci mengenai aduan yang dikemukakan oleh pengadu.
- 4.4.4 Laporan-laporan tersebut hendaklah disediakan oleh Pegawai Penyiasat atau Ketua Pegawai Integriti dan dilaporkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Whistle-blowing. Pengerusi Jawatankuasa Whistle-blowing akan memastikan tiada butiran peribadi pengadu didedahkan sebelum dicetak dan diedarkan bagi tujuan pelaporan.
- 4.4.5 Laporan-laporan tersebut hendaklah disediakan dalam bentuk salinan cetak (hard copy) dan dikemukakan kepada jawatankuasa-jawatankuasa berikut (sekiranya perlu):
- 4.4.5.1 Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus & Integriti Perbadanan (JKTI);
 - 4.4.5.2 Jawatankuasa Audit; dan
 - 4.4.5.3 Ahli-Ahli Perbadanan.

4.5 Penyimpanan Maklumat

- 4.5.1 Semua salinan cetak akan disimpan dengan selamat di dalam kabinet yang dikunci di dalam pejabat Ketua Pegawai Integriti. Akses kepada maklumat hanya terhad kepada anggota berkaitan dalam bahagian berkenaan sahaja.
- 4.5.2 Bagi maklumat yang disimpan secara elektronik atau di dalam komputer, ia hendaklah dilindungi dengan kata laluan dimana akses kepada maklumat tersebut adalah terhad.

4.6 Pengaduan atau Pemberian Maklumat Palsu

- 4.6.1 Sekiranya aduan atau maklumat yang diterima daripada pengadu didapati palsu atau tidak sah dan dilakukan dengan niat untuk menjatuhkan atau merosakkan nama baik individu atau organisasi, pengadu boleh dikenakan tindakan tatatertib, termasuk penamatan pekerjaan, penamatan hubungan kerja, atau apa-apa tindakan mengikut undang-undang bagi melindungi reputasi PKNS, Ahli-ahli Perbadanan serta anggota-anggota PKNS.

4.7 Gangguan atau Halangan Dalam Siasatan

4.7.1 Tindakan seperti penamatan kontrak dan pemecatan atau penurunan jawatan boleh dikenakan ke atas mana-mana anggota PKNS atau pihak yang terlibat dengan urusan niaga PKNS, sekiranya menghalang siasatan ke atas aduan yang diterima oleh PKNS.

4.8 Permohonan Maklumat atau Perkembangan Siasatan Ke atas Aduan

4.8.1 Pengadu mempunyai hak untuk mengetahui perkembangan siasatan ke atas aduan yang dikemukakan dan Ketua Pegawai Integriti bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat seperti berikut:

4.8.1.1 Nama individu atau pegawai yang mengendalikan siasatan ke atas aduan atau maklumat diterima;

4.8.1.2 Kemajuan dan tempoh masa siasatan yang diperlukan bagi melengkapkan siasatan;

4.8.1.3 Keputusan yang dibuat terhadap aduan yang diterima.

4.9 Rayuan Terhadap Keputusan

Sekiranya pengadu tidak berpuas hati terhadap keputusan yang telah diputuskan ke atas aduan yang dikemukakan, pengadu boleh melaporkan ketidakpuasan hati kepada Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus & Integriti (JKTI) Perbadanan.

5.0 PROSEDUR ADUAN INTEGRITI

5.1 Aduan boleh dibuat oleh anggota PKNS, pihak luar yang berurusan dengan PKNS atau orang awam menerusi kaedah-kaedah berikut:

5.1.1 Telefon;

5.1.2 Khidmat Pesanan Ringkas (SMS);

5.1.3 Aplikasi Laman Sembang Sosial seperti WhatsApp, Telegram dan lain-lain;

5.1.4 Surat;

5.1.5 Emel kepada Pengurus Integriti PKNS;

5.1.6 Bersemuka dengan Pengerusi Jawatankuasa Whistle-blowing atau Ketua Pegawai Integriti;

5.1.7 Melalui Aplikasi Aduan Integriti PKNS;


5.2 Semua butiran aduan akan dimaklumkan oleh Ketua Pegawai Integriti kepada Pengerusi Jawatankuasa Whistle-blowing. Seterusnya, Pengerusi Jawatankuasa Whistle-blowing akan menyemak segala butiran aduan bagi menentukan sama ada ia melibatkan rasuah atau tidak, serta mengenalpasti pihak yang terbabit.

5.3 Pengerusi Jawatankuasa Whistle-blowing akan mengarahkan Ketua Pegawai Integriti untuk mengambil tindakan-tindakan yang dirasakan wajar. Ketua Pegawai Integriti akan membuka fail bagi menjalankan siasatan dan segala maklumat sepanjang siasatan dijalankan hendaklah direkodkan di dalam fail tersebut.

5.3.1 Laporan-laporan bukan rasuah dan yang melibatkan isu-isu dalaman PKNS akan diserahkan kepada Bahagian Sumber Manusia (BSM) atau Ketua Bahagian yang berkaitan untuk makluman dan tindakan berdasarkan prosedur dalaman yang telah ditetapkan. Pegawai Penyiasat dan Ketua Pegawai Integriti akan mengemaskini butiran di dalam fail aduan dan menutupnya setelah segala tindakan selesai di ambil.

- 5.3.2 Sekiranya aduan yang diterima melibatkan rasuah atau pecah amanah, Ketua Pegawai Integriti akan memaklumkan kepada pihak SPRM atau PDRM untuk tindakan selanjutnya dan segala butiran di dalam fail akan dikemaskini. Seterusnya, Ketua Pegawai Integriti akan menutup fail tersebut setelah segala tindakan selesai di ambil oleh PKNS.
 - 5.3.3 Walau bagaimanapun, sekiranya aduan yang diterima melibatkan rasuah yang dilakukan oleh anggota PKNS, Pegawai Penyiasat dan Ketua Pegawai Integriti akan mengemaskini segala butiran dapatan siasatan yang dijalankan di dalam fail, seterusnya melaporkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Whistle-blowing.
 - 5.3.4 Hasil siasatan atau laporan berhubung aduan yang disediakan oleh Ketua Pegawai Integriti akan dimaklumkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Whistle-blowing dan dilaporkan semasa Mesyuarat JKTI.
- 5.4 Laporan aduan berkaitan rasuah yang melibatkan anggota PKNS:
- 5.4.1 Pegawai Penyiasat bertanggungjawab untuk menjalankan siasatan ke atas aduan. Segala butiran dan perkembangan siasatan ke atas aduan berkenaan hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pegawai Integriti.
 - 5.4.2 Ketua Pegawai Integriti bertanggungjawab memantau perkembangan siasatan yang dijalankan oleh Pegawai Penyiasat dan memastikan tiada pelanggaran undang-undang atau etika kerja sepanjang siasatan dijalankan.
 - 5.4.3 Setelah siasatan dimuktamadkan, Ketua Pegawai Integriti akan mengemukakan hasil atau dapatan siasatan kepada Pengerusi Jawatankuasa Whistle-blowing. Seterusnya, Pengerusi Jawatankuasa Whistle-blowing akan mengarahkan supaya Siasatan Dalaman PKNS dijalankan oleh Bahagian Audit Dalam PKNS (sekiranya perlu). Pengerusi Jawatankuasa Whistle-blowing juga akan membuat keputusan sama ada siasatan ini memerlukan penglibatan SPRM atau tidak.
 - 5.4.4 Siasatan pihak SPRM boleh dijalankan meskipun Siasatan Dalaman PKNS sedang berjalan. Hasil atau dapatan siasatan berkenaan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Tatatertib untuk memutuskan tindakan atau hukuman kepada anggota PKNS yang terlibat seperti:
 - 5.4.4.1 Pembabitan pihak berkuasa seperti Polis atau SPRM;
 - 5.4.4.2 Hukuman;
 - 5.4.4.3 Memindahkan anggota PKNS yang terlibat dengan perbuatan rasuah.
 - 5.4.4.4 Tiada tindakan lanjut diambil (sekiranya tiada bukti kukuh di dalam laporan)
- 5.5 Namun begitu, terdapat sesetengah isu atau aduan yang memerlukan PKNS untuk menubuhkan Jawatankuasa Bebas bagi menjalankan siasatan lanjut. Ahli Jawatankuasa Bebas ini terdiri daripada pegawai-pegawai luar yang mempunyai kredibiliti dan pakar dalam sesuatu bidang. Manakala Bahagian Integriti & Pengurusan Risiko, Bahagian Audit Dalam atau Bahagian Sumber Manusia berperanan sebagai urusetia mengikut kesesuaian isu atau aduan berkenaan.
- 5.6 Semua hasil atau dapatan siasatan dan semua keputusan mengenai tindakan yang akan diambil hendaklah dilaporkan ke dalam Mesyuarat JKTI.

CARTA ALIRAN KERJA PENGURUSAN ADUAN



CARTA ALIRAN KERJA PENGESANAN DAN PENGESAHAN

